

Ladang komuniti bakal lonjak sektor perkayuan

 hmetro.com.my/mutakhir/2022/09/879813/ladang-komuniti-bakal-lonjak-sektor-perkayuan



DATUK Zuraidah Kamaruddin menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta ladang komuniti di Batu Kikir. FOTO Abnor Hamizam Abd Manap

Jempol: Projek ladang komuniti akan diperluaskan di kawasan terbiar di seluruh negara dalam usaha menambah stok bekalan kayu.

Menteri Perusahaan, Perlindungan dan Komoditi Datuk Zuraida Kamaruddin berkata bagi tujuan itu, projek perintis ladang komuniti membabitkan tanaman pokok Eucalyptus sudah dilaksanakan membabitkan beberapa kampung di sekitar Batu Kikir, Jempol, Negeri Sembilan.

Katanya seramai 78 peserta terbabit dalam penanaman pokok jenis berkenaan di kawasan seluas 100 hektar.

"Konsep ladang komuniti sebenarnya sudah diamalkan di negara luar dan sudah tiba masa ia dilaksanakan di negara ini bagi memberi manfaat kepada masyarakat yang memiliki tanah terbiar atau tanah adat yang tidak diusahakan.

"Kita berdepan cabaran dalam sektor perkayuan kerana sekiranya tidak mencukupi maka industri sukar untuk memenuhi permintaan pembeli dalam dan luar negara," katanya ditemui pemberita selepas majlis Pelancaran Nurseri dan Perusahaan Perladangan Komuniti di Plus Intervest Sdn Bhd di sini hari ini.

Zuraida berkata pihaknya mensasarkan 10,000 hektar tanah terbiar seluruh negara akan ditanam dengan pelbagai pokok kayu kayan.

"Seperti pokok Eucalyptus, ia hanya memerlukan masa lebih kurang enam tahun sebelum ditebang dan dihantar ke kilang untuk di proses.

Katanya produk kayu Malaysia diiktiraf tahan lebih lama dengan harga yang kompetitif serta berkualiti tinggi.

"Pasaran sektor kayu menjadi antara sumber pendapatan negara kerana Malaysia ketika ini berada di kedudukan kelapan negara pengeksport terbesar dunia.

"Industri perkayuan juga menjadi sektor penting kepada pembangunan ekonomi negara yang merekodkan nilai eksport berjumlah RM13.2 bilion bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu industri kayu secara keseluruhan mencapai nilai eksport lebih RM22 bilion, membuktikan ia penting dalam menjana ekonomi terutama ketika negara dalam fasa pemulihan ekonomi pasca Covid - 19.

Disiarkan pada: September 8, 2022 @ 1:06pm